



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“INTEGRITI SEBAGAI JATI DIRI UMMAH”

17 November 2023 / 3 Jamadil Awal 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

﴿ إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا
وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di padang mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dicucuri rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga Nya. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “INTEGRITI SEBAGAI JATI DIRI UMMAH”

Integriti merujuk kepada pengamalan sikap murni ketika memikul amanah atau melaksanakan tugas. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrif integriti sebagai sifat-sifat jujur, tulus, ikhlas dan sempurna yang menjadi lambang jati diri sekali gus membentuk peribadi ummah. Integriti amat mempengaruhi tindakan dan kelakuan seseorang ketika diamanahkan dengan sesuatu tanggungjawab sama ada menduduki kerusi tertinggi mahu pun sebagai petugas biasa. Integriti membentuk peribadi yang berprinsip, pembela kebenaran, beramanah, tekun dan teliti, berlapang dada dan dihiasi pelbagai ciri-ciri murni yang meluruskan perjalanan hidup.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Demi membentuk sebuah negara yang maju dan ke hadapan; integriti semestinya diamalkan oleh pelbagai lapisan masyarakat terutama mereka yang diberi amanah mengurus urusan masyarakat. Demi kemakmuran dan kestabilan negara, budaya integriti wajib diserap dan diamalkan dalam pelbagai sektor pekerjaan dan perkhidmatan baik dalam sektor awam begitu juga dalam sektor swasta. Budaya integriti memerlukan para petugas yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab menunaikan amanah secara telus, tegas dan berani mengurus kehidupan masyarakat berlandaskan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan, tanpa gentar - tanpa pilih kasih.

Negara akan terjerumus ke dalam pelbagai krisis yang boleh menggugat kestabilan dan kesejahteraan masyarakat serta mencemarkan maruah negara, akibat sikap yang tidak mengamalkan integriti atau mengambil mudah amanah yang dipertanggungjawabkan. Perlakuan keji seperti pecah amanah, rasuah, ketirisan khazanah negara, pencemaran dan bencana alam berlaku disebabkan sikap dan perangai mereka yang mengabaikan amanah, tidak berintegriti, tidak bermaruah dan mementingkan diri sendiri. Ummah pada setiap masa wajib mengamalkan integriti, bersikap jujur dan ikhlas, takwa kepada Illahi serta menginsafi akan adanya pengadilan Rabbuljalil pada hari kebangkitan.

Pelbagai manfaat akan diperoleh jika integriti menjadi keutamaan ummah. Sebagai contoh, peniaga yang jujur akan mempermudah urusan jual beli, petugas yang menjaga baik sempadan negara dapat menjamin berlakunya keamanan, jurubina yang teliti membolehkan pengguna menduduki bangunan yang selamat, petugas media yang jujur membolehkan orang ramai memperoleh maklumat yang benar, serta penguasa yang tegas membendung gejala-gejala tidak sihat akan dapat mengurangkan jenayah.

Usaha memulihkan dan mengembalikan kemakmuran negara memerlukan perubahan pemikiran dan etika anggota masyarakat. Kegagalan mengamalkan integriti telah dan akan mengakibatkan pentadbiran negara dilanda musibah. Negara akan terus mengalami kerugian besar apabila hilangnya nilai integriti – hilangnya sumber tenaga yang berdaya saing, atau disebabkan tenaga kerja yang tiada kemahiran dan tiada ketelitian, semasa melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Tetamu Allah yang dilimpahi keberkatan Illahi,



Amanah adalah salah satu daripada sifat yang ada pada para Nabi dan Rasul. Tugas menyampaikan dakwah tauhid, memberi nasihat serta membimbing umat ke jalan yang benar merupakan tugas besar tetapi disempurnakan dengan teliti dan kesungguhan oleh para Nabi dan Rasul. Ayat 72 surah al-Ahzab yang khatib bacakan pada awal khutbah bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah (Kami) kepada langit, bumi dan gunung-ganang (untuk menanggungnya) tetapi semuanya enggan untuk menanggung amanah itu dan mereka kawatir tidak akan dapat menyempurnakannya dan hanya manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman lagi sangat jahil”.

Berpandukan ayat tersebut, semua makhluk di dunia mengakui tidak mampu memikul amanah yang ditetapkan oleh Allah SWT, namun dengan kemuliaan penciptaan manusia, amanah tersebut dapat dipikul, berbekalkan anugerah ilmu, akal fikiran dan hati nurani. Mereka yang bersedia memikul amanah dibahunya, akan dipersoalkan oleh Allah SWT sama ada amanah tersebut dilunaskan dengan baik atau sebaliknya.

Demi membangunkan sebuah masyarakat yang bertamadun - demi membina tadbir urus yang beramanah, semua pihak yang telah diamanahkan dengan pelbagai jawatan, tugas dan tanggungjawab, wajib memiliki dan mengamalkan budaya kerja yang bersih, jujur, tulus dan ikhlas. Di samping itu, sikap kesungguhan dan ketelitian wajar menjadi amalan seiring dengan sabda Baginda SAW:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah amat menyukai seseorang kamu yang apabila melakukan pekerjaan dia melakukan dengan teliti. (Hadis Riwayat Al-Tabarani)

Peristiwa Nabi Yusuf AS mengemudi urusan pentadbiran negara dengan telus, jujur dan bijaksana ketika negara dilanda krisis kemarau, wajib diteladani dan diambil iktibar. Kerja dan usaha yang memberi tumpuan kepada matlamat memulihara negara dan menjamin kepentingan rakyat harus menjadi keutamaan, tanpa dicemari oleh perbuatan yang merugikan negara, seperti perbalahan yang tidak berkesudahan atau permusuhan yang berterusan. Nabi Yusuf AS ketika diamanahkan tanggungjawab,



memastikan kemaslahatan masyarakat diutamakan dan pentadbiran negara, diurus dengan baik. Baginda tidak sama sekali menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi atau mengaut keuntungan dan habuan.

Pemilihan pemimpin yang berkelayakan merupakan titik penting dalam syariat Islam. Mereka yang dipilih wajib bersifat adil, amanah, tegas dan bijaksana untuk menjamin kesejahteraan masyarakat dan memastikan negara dilindungi daripada unsur-unsur yang boleh membawa keruntuhan seperti sabda Baginda SAW bermaksud: “Apabila sesuatu perkara diamanahkan kepada orang yang tidak memiliki kelayakan maka tunggulah saat kehancuran”.
(Hadis Riwayat Bukhari)

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mimbar menyenaraikan beberapa peringatan:

Pertama: Pembudayaan, pengamalan dan penghayatan nilai integriti adalah sejajar dengan nilai akhlak Islam dan wajib diamalkan dalam kehidupan harian.

Kedua: Amanah merupakan tanggungjawab berat yang akan disoal oleh Allah SWT. Maka laksanakan dengan bersungguh-sungguh, jujur dan ikhlas.

Ketiga: Berusahalah menjadi insan yang mengamalkan nilai-nilai baik (sifat mahmudah) agar dapat meningkatkan nilai diri, berbakti kepada keluarga, masyarakat dan negara demi menuju ke arah yang lebih diberkati dan diredai oleh Allah SWT.

Keempat: Nilai integriti hendaklah disemai dalam jiwa anak-anak semenjak usia kecil, agar nilai murni itu dapat dijiwai dan diamalkan oleh mereka dalam urusan kehidupan. Ibu bapa hendaklah menjadikan diri sebaik contoh kepada anak-anak.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing kami untuk senantiasa berlaku jujur dan ikhlas – tekun dan teliti ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan. Engkau limpahi rahmat kepada hamba Mu yang tabah dan ikhlas

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



menyempurnakan tugas demi agama, bangsa dan negara dan terimalah tugas yang mereka sempurnakan sebagai amal kebaikan yang Engkau redai.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.